

AKTIVITI : KURSUS AUDITOR EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

TEMPAT : BILIK KULIAH AL-BATTANI, CREaTE, MELAKA

TARIKH : 30 SEPTEMBER – 1 OKTOBER 2020

Kursus Auditor EKSA telah diadakan selama dua (2) hari bertempat di Bilik Kuliah Al-Battani, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Melaka pada 30 September dan 1 Oktober 2020. Kursus ini telah dihadiri seramai 23 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai Cawangan JKR Malaysia.

Kursus ini dikendalikan oleh penceramah jemputan luar iaitu **Puan Siti Meriam binti Hussein** yang juga salah seorang **Champion EKSA** yang dilantik khas daripada Pihak MAMPU. Di samping itu, kursus ini turut dibantu oleh dua (2) orang fasilitator daripada pihak Urusetia Induk EKSA Ibu Pejabat JKR Malaysia iaitu En. Ashrif bin Abd Jalil dan En. Mohd Asri bin Zainol.

Intipati kursus ini terbahagi kepada 4 sesi iaitu **Tatacara Pengauditan EKSA, Etika Juruaudit Professional, Simulasi Pengauditan dan Penyediaan Laporan Audit**. Penekanan dan pencerahan telah diadakan secara menyeluruh kepada peserta mengenai komponen-komponen audit mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Pihak MAMPU.

Semoga kursus ini akan memberi manfaat kepada semua peserta agar amalam EKSA dapat dibudayakan dan dilaksanakan dengan jayanya di pejabat masing-masing.

